

Perhimpunan Agung MIC ke-60

MIC sudah matang: Palanivel

Penyokong Subramaniam
terima keputusan majoriti

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Timbalan Presiden baru MIC, Datuk G Palanivel, menyifatkan kemenangannya sebagai satu kejayaan yang amat penting bagi parti secara keseluruhan kerana mampu meringkaskan jurang antara penyokongnya dan penyokong bekas penyandang jawatan itu, Datuk S Subramaniam.

Katanya, 459 undi yang diterima Subramaniam berbanding 933 yang diterima beliau menunjukkan Subramaniam masih mempunyai sokongan agak besar dalam parti tetapi mereka menghormati keputusan majoriti perwakilan dan sedia bekerjasama demi perpaduan parti.

"Semangat setiakawan dan keharmonian yang ditunjukkan selepas pemilihan kelmarin membuktikan MIC kini sudah matang dan sanggup menyetepikan kepentingan peribadi serta berganding bahu bagi berjuang demi kepentingan bangsa dan negara.

"Bagi saya, kemenangan ini bukan sesuatu yang terlalu menggembirakan kerana kini saya mempunyai lebih tanggungjawab dan beban yang perlu dilaksanakan.

"Namun, kalau saya kalah, sudah tentu parti kucar kacir kerana akan wujud dua puak yang ternyata tidak sehaluan sebelum ini, sekali gus membantutkan segala agenda pembangunan untuk masyarakat India serta negara," katanya pada sidang akhbar, di sini semalam.

Persengketaan 24 tahun antara Subramaniam dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu mencapai kemuncak pada pemilihan tahun ini apabila anak didiknya, Palanivel bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden dan menewaskannya.

Palanivel berkata, beliau bersedia menghadapi sebarang keputusan dalam pemilihan kali ini atas kesedaran bahawa beliau akan menentang seorang pemimpin yang mempunyai 26 tahun pengalaman berbanding pengalamannya sendiri yang hanya 16 tahun dalam MIC sebagai pemimpin.

Beliau juga menyuarakan rasa terharu kerana perwakilan melekatkan kepercayaan begitu tinggi terhadapnya dan yakin khidmat beliau kepada masyarakat selama ini banyak membantu ketika berkempen.

"Dalam politik, kita perlu bekerja secara berpasukan, tiada tempat untuk individu kerana kepakaran atau kemahiran setiap pemimpin harus menjadi nilai tambah kepada sesuatu barisan pucuk pimpinan.

"Falsafah saya ialah hidup untuk hari ini. Lakukan yang terbaik sekarang, masalah esok akan kita harungi apabila sampai masanya. Kita tidak boleh bekerja berdasarkan kepentingan peribadi, sebaliknya kepentingan masyarakat perlu diutamakan," katanya.

Palanivel juga berterima kasih atas ucapan tahniah daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menelefon beliau kelmarin bagi memberi nasihat dan panduan selepas memenangi pemilihan kali ini.

Beliau, yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, turut berterima kasih atas ucapan tahniah daripada menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

“Kemenangan ini bukan sesuatu yang terlalu menggembirakan kerana kini saya mempunyai lebih tanggungjawab dan beban yang perlu dilaksanakan”

G Palanivel
Timbalan Presiden MIC